

# Rakyat perlu ke capai kejayaan

CH 1 FEB 1991

**BAGIAN KEDUA DAN AKHIR  
WAWANCARA KHAS DENGAN  
PERDANA MENTERI, DATUK SERI  
DR MAHATHIR MOHAMAD, YANG  
DISIARKAN OLEH RTM ISNIN LALU**

## Ahli panel

● Dr Nordin Sopiee (DrNS), Ketua Pengarah Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS).  
● Tan Sri R.V. Navaratnam (TSN), Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Baruh (M) Bhd.  
● Datuk Dr Kamal Salleh (DrKS), Pengarah Eksekutif Institut Kajian Ekonomi Malaysia (MIER).

**TSN:** Dalam hal penswastaaan ini, orang ramai berpendapat mereka sepatutnya kurang membayar cukai tetapi pada masa yang sama, menerima lebih banyak faedah daripada kerajaan. Hal ini sukar sekali untuk diselaraskan. Penswastaaan bermakna mengenakan harga yang tinggi juga kerana kita mengutamakan pemasaran.

**PM:** Harga tetap akan naik mengikut peredaran waktu. Di negara kita, harga tidak naik terlalu tinggi sebab kadar inflasi agak rendah. Tetapi jika kita mahu untung lebih, kita perlulah menghasilkan lebih banyak dan juga bekerja keras. Seseengah orang berpendapat, keuntungan hanya boleh dicapai menerusi pengambilan cukai yang dikutip oleh kerajaan. Dalam erti kata lain, jangan kutip cukai kerana apa yang dicukai ke atas anda ialah keuntungan bagi pihak saya. Jika cara ini dapat diterima sebagai langkah memperolehi keuntungan, maka anda akan menjadi semakin malas.

Mari kita lihat prinsip orang Jepun. Ketika harga minyak naik dua kali ganda, mereka mengkaji cara mereka melakukan sesuatu dan kemudian, mempelbagai cara untuk menghadapi kenaikan harga minyak itu. Salah satu cara yang dilakukan ialah mengurangkan penggunaan minyak dan menjadi semakin rajin. Oleh itu, apabila Yen mengalami penilaian semula sebanyak 100 peratus, mereka untung dua kali ganda. Misalnya getah kita, jika ringgit Malaysia dinilai semula, harganya (getah) akan menjadi dua kali ganda daripada getah Indonesia.

Bagaimanapun kejayaan Jepun itu kerana mereka bertindak menjadi semakin cekap dalam mengusahakan sektor perkilangan dan perniagaan. Kita juga mesti mengambil pendekatan serupa. Jangan hanya berkata, saya tidak membuat sebarang keuntungan tahun ini, jadi tidak perlulah mengutip cukai lagi. Cukai yang tidak dikutip itulah yang membawa keuntungan kepada kerajaan. Jika kita terus berfikir cukai tidak perlu dikutip, maka selamanya kita menjadi pemalas. Tetapi kerajaan memerlukan cukai.

Jika cukai tidak dikutip, bagaimana kita boleh menyediakan kemudahan awam dan perkhidmatan? Anda tidak boleh meminta kerajaan berbelanja lebih melainkan anda bersedia membayar lebih banyak cukai. Itulah yang sepatutnya dilakukan. Jangan kata, kutip sedikit saja cukai, tetapi belanja lebih banyak wang. Ia akan hanya menjadikan kerajaan

kita perlu meningkatkan kemahiran pengurusan. Anda sudah menegaskan perkara ini beberapa kali di dalam ucapan anda. Adakah anda melihat kemajuannya terutamanya matlamat di bidang pengurusan lanjutan di negara ini.

**PM:** Ya, saya berpendapat pengurusan adalah amat penting. Kita boleh membeli teknologi. Kita boleh meningkatkan modal, tetapi jika kita tidak tahu mengurus teknologi dan modal, jika kita tidak tahu mengurus pasaran, kita tidak akan berjaya. Pasaran di negara ini adalah luas tetapi ia masih belum dieksploitasi sepenuhnya kerana rakyat tidak nampak peluangnya. Dan, jika pun mereka nampak peluang ini, mereka tidak menguruskannya dengan baik.

Jika ada dua perniagaan dalam bidang yang sama, satu daripadanya boleh gagal dan yang satu lagi berjaya. Kejayaannya itu adalah disebabkan oleh cara pengurusan. Sebagai contoh, dalam perniagaan restoran, makanan Malaysia lebih membuka selera daripada makanan Eropah, sekurang-kurangnya pada takak kita. Tetapi, lihatlah kepada Kentucky Fried Chicken, McDonalds, hamburgers, makanan yang ganjil kepada kita begitu berjaya, dijual oleh ramai orang, tetapi makanan Malaysia tidak diniagakan secara francais. Ini kerana kita tidak faham mengenai pengurusan francais dan pemasaran.

**TSN:** Dalam tema persaingan, saya fikir ia penting untuk masa depan. Saya harap ia bukan soalan yang begitu sensitif. Adakah kita, barangkali, melakukan sedikit percanggahan. Kita memberi perlindungan kepada sesetengah kumpulan. Soalnya ialah sama ada kita melakukannya secara berlebihan dan pada pihak yang lain, kita melarang golongan yang benar-benar mahu bersaing yang memang cuba kita wujudkan. Golongan berkenaan pula mungkin tidak memberi sokongan kepada kumpulan yang benar-benar hendak kita perkukuhkan.

**PM:** Persaingan pada tahap tertentu adalah baik, tetapi "bebas untuk semua" adalah tidak baik. Tidak ada ekonomi di dunia boleh memberi kebebasan kepada semua. Sebagai gambaran, kita tidak mempunyai industri kereta dan kita mahu memulakan industri itu, mungkin untuk menyediakan peluang pekerjaan. Jadi, kita mahu supaya kereta itu dipasang di Malaysia. Apabila kita berkata kereta itu akan dipasang di Malaysia dengan pasaran yang kecil,

atau terlalu sedikit tetapi adakalanya kita perlu membuat keputusan.

**TSN:** Adakah pengubahsuaian berhati-hati yang anda katakan ini juga membatik pembangunan sumber manusia dan apa yang anda katakan pengurusan, kita perlu bersaing. Untuk menyatakannya secara berterus terang, ramai golongan yang keluar universiti, adakah mereka perlu diberi layanan istimewa terlalu lama.

**PM:** Tidak, saya percaya, apabila ramai yang keluar universiti, mereka perlu menghabiskan banyak masa mencari pengalaman dan bukan terus melakukan kerja di bahagian atas yang sebahagian besar daripada mereka jangkakan. Kita bercakap mengenai Dasar Pandang Ke Timur. Di Jepun, contohnya, mereka yang keluar dari universiti memulakan tugas di bahagian bawah sebelum menjadi eksekutif, dan ini adalah falsafah yang baik. Ia akan memupuk etika kerja yang baik, saling faham memahami dengan golongan yang akan bekerja di bawahnya. Tetapi, disebabkan permintaan dan pengharapan orang-orang ini, ia menjadi sesuatu yang sukar untuk memujuk mereka supaya mula bekerja di bahagian bawah dan kemudian meningkat.

**DrKS:** Bagaimana anda menyelesaikan masalah ini, dengan mengakui bahawa mereka ada isu *mismatch* yang mana sebaik menamatkan pengajian di kolej tempatan dan institusi pengajian tinggi mereka dapati tidak sesuai dengan sistem atau industri yang menimbulkan masalah seperti pengangguran di kalangan siswazah. Adakah dalam perkara ini anda berpendapat sistem pendidikan kita diorientasikan ke arah pendidikan vokasional dan teknologi serta bentuk-bentuk yang sama dengannya...

mufliis atau anda menyebabkan kerajaan menanggung hutang banyak, yang memburukkan lagi keadaan ekonomi negara.

**DrKS:** Awal tadi YAB mengatakan, jika kita boleh mengurangkan saiz perkhidmatan awam dan perbelanjaan, kerajaan dapat membayar gaji lebih kepada kakitangannya. Kenaikan gaji berikutan masalah pasaran buruh boleh menyumbang kepada tekanan inflasi. Jika ini berlarutan, kerajaan mengalami masalah pusingan gaji dalam jangka panjang. Jadi, ia ada kaitan dengan pengurusan kewangan serta pertumbuhan ekonomi dan pengeluaran. Adakah ini selaras dengan pemikiran anda?

**PM:** Benar. Tetapi kenaikan gaji bukanlah masalah sebenar. Yang menjadi masalah besar ialah kenaikan gaji tanpa diiringi oleh pertambahan pengeluaran. Tidak menjadi soal jika gaji anda dinaikkan dua kali ganda. Namun pada masa yang sama, anda perlulah bertanggungjawab menghasilkan dua kali ganda atau lebih barangan. Misalnya, terminal kontena di Pelabuhan Klang kini berjaya menguruskan lebih dua kali ganda daripada yang pernah diuruskan sebelumnya dan dengan itu, ia mampu membayar gaji dua kali ganda kepada pekerjanya. Tanpa menjejaskan pengeluaran dan sumber tenaga, kita tidak nampak sebarang masalah untuk menaikkan gaji. Malah, kita memang mahu gaji dinaikkan tetapi ia mesti diikuti dengan pengeluaran yang lebih banyak. Semua ini boleh dilakukan kerana gaji pekerja di beberapa negara sudah pun dinaikkan dan mereka tetap menjadi persaingan semata-mata kerana mereka lebih produktif.

**DrNS:** Saya fikir Datuk Seri sudah kerap mengucapkan perkataan persaingan. Apakah Datuk Seri menjangkakan pada masa depan Malaysia akan terus menghadapi persaingan dan satu cara untuk berjaya ialah meneruskan usaha melfpatgandakan pengeluaran. Adakah ini kunci kejayaan kita?

**PM:** Kita tidak boleh mengelakkan persaingan. Pada masa lampau, negara boleh mengawal sepenuhnya ekonomi dalam negara mereka dengan menghadkan hubungan luar. Kita tidak boleh mengasingkan diri sekarang. Dunia menjadi saling bergantung. Untuk mencapai kejayaan, kita perlu berdagang dan ini bermakna, kita mesti sanggup bersaing, di samping terus meningkatkan pengeluaran. Kita perlu menekankan bahawa kita bertindak bukan untuk melindungi kepentingan sendiri tetapi berpandangan jauh ke depan. Misalnya, bagaimana kita boleh mengatasi kenaikan nilai ringgit? Untuk itu, sudah tentu kita perlu melakukan sesuatu yang boleh menjadikan kita lebih cekap dan produktif. Ia bukan mustahil. Sudah banyak kali dibuktikan bahawa tidak ada had dalam pengeluaran, pengeluaran yang dilakukan oleh manusia.

kosnya akan meningkat berbanding dengan kos jika kita import kereta yang siap dipasang keseluruhannya.

Jadi, kita berkata jika anda hendak memasangnya, ok, kita akan memberi beberapa perlindungan. Bila anda menyediakan perlindungan, anda melakukan sesuatu yang bertentangan dengan persaingan. Pada sebelah pihak pula, jika anda ingin persaingan keseluruhannya, jadi kita tidak akan ada kereta yang dipasang di negara ini, begitu juga perkilangan kereta di negara ini. Jadi, pada satu tahap kita perlu menerima bahawa walaupun ada persaingan, ia perlu ada kawalan awal, tetapi tidak seharusnya berterusan.

**DrNS:** Oleh itu, bagaimana anda menyelesaikan masalah ini? Ini dianggap perancangan pendapat dalam industri yang baru. Seperti kanak-kanak baru lahir, ketika anak-anak itu mahu membesar, kita perlu memberi perlindungan. Masyarakat, pada satu peringkat, perlu menyediakan makanan. Bagaimanapun, bila dan bagaimana kita hendak membuat keputusan dengan mengatakan, Okay...anda sudah besar sekarang, kami tarik balik perlindungan ini dan anda perlu berdiri di atas kaki sendiri dan memajukan diri serta bersaing, menghadapi dunia. Bagaimana kita membuat keputusan dan pada tahap mana yang kita perlu berbuat demikian?

**PM:** Tidak ada peraturan yang keras dan mendadak begini. Tidak ada cara kita boleh menyatakan sebaik sahaja anda mencapai tahap ini, kami akan menarik balik semua perlindungan. Dalam proses itu akan wujud pelbagai tawar-menawar, tetapi kita dapat mengurangkannya, sebagaimana yang dapat kita lihat. Kita telah mengurangkan banyak cukai ke atas import dalam belanjawan yang lalu. Ketika rakyat berpendapat mereka mudah menerima kesannya, pada satu tahap mereka dapat menyesuaikan diri.

**DrNS:** Jepun membuktikan perkara ini sekian lama. Dengan bertambah tinggi kos, mereka menjadi bertambah produktif. Apa yang dimaksudkan ialah jika kita terpaksa terus bersaing dan meningkatkan daya saing, bidang pengurusan adalah dianggap sebagai premium, bermakna

**DrNS:** Tetapi, ia bukan sesuatu perkara yang tidak boleh dielakkan jika kita mahu benar-benar bersaing untuk membawa masuk segala bentuk persaingan, yang mana kita perlu mempunyai program yang progresif ke atas ekonomi Malaysia yang liberal.

**PM:** Ya, kita akan melakukannya dan kita memang melakukannya, tetapi kita perlu berhati-hati. Kita perlu membuat penilaian yang baik. Jika kita pergi terlalu jauh, kita mungkin merumitkan segala proses. Sudah tentu, tidak ada keputusan yang tepat dan pasti ada orang yang mengatakan bahawa ia terlalu banyak

**PM:** Kita sudah pun melakukannya. Kita mahu mata pelajaran berbentuk vokasional diberi penekanan berbanding mata pelajaran akademik semata-mata seperti sejarah dan geografi. Itulah sebabnya mata pelajaran kemahiran diperkenalkan di sekolah kerana kita hidup dalam suasana tertentu, suasana yang lebih kepada perindustrian. Kita perlu tahu cara menguruskan hidup dalam suasana begitu. Ada beberapa kemahiran yang diperlukan, contohnya, memahami perkara berkaitan mekanikal, elektronik, perniagaan, dan urusniaga. Jadi, perkara ini sekarang kita beri penekanan bermula di sekolah hinggalah ke universiti. Kita akan memberi penekanan kepada bidang pengurusan, kita akan memberi penekanan kepada mata pelajaran teknikal yang lebih sesuai dengan masyarakat perindustrian, lebih daripada masyarakat yang bergantung kepada pertanian.

**DrKS:** Salah satu perkara yang menjadi punca orientasi itu, sebenarnya adalah satu peranan yang bukan sahaja kepada institusi pendidikan tetapi juga industri dalam latihan vokasional dan teknikal. Kejayaan Jepun dan Jerman, contohnya, ada kaitan dengan cara mereka menyatukan latihan menerusi kursus *in-sandwich*, atau melalui latihan perantisan atau sistem berasaskan peniagaan mengikut kaum. Bolehkah kita fikirkan satu bentuk pendekatan khas yang sesuai dengan kehendak kita dengan mengambil kira keperluan berkenaan.

**PM:** Sebenarnya, kita telah pun melakukannya tetapi tahapnya masih belum selaras dengan perubahan persekitaran. Tetapi kita menjangka yang sektor swasta akan turut menyertai latihan ini. Kami sedang mewujudkan lebih banyak institusi latihan, lebih banyak sekolah vokasional dan hasilnya sangat nyata apabila lepasan sekolah vokasional ini segera diambil oleh industri sebagai sajakeluar manakala mereka yang keluar daripada aliran akademik sukar mendapatkan pekerjaan.

Jadi kami melakukan penyesuaian ini tetapi ia tidak mencukupi dan kami dalam kerajaan berharap sektor swasta menyedari dan menghargai usaha ini serta bekerjasama dengan kerajaan.

**DrNS:** Saya ingin menyusul soalan Datuk Dr Kamal tadi. Saya fikir satu daripada perkara yang kita pelajari, orang Jerman sangat bagus dalam hal ini, ialah sistem pelatih, sistem penguasaan kemahiran yang dibina ke dalam seluruh struktur ekonomi mereka dan sebahagian daripada program pembangunan sumber manusia mereka. Kini kita mempunyai dasar Pandang ke Timur, sudah pasti kita akan memperkembangkannya. Adakah rancangan untuk dasar 'lernen von Deutschland', iaitu belajar juga daripada Jerman untuk memperkembangkan kemahiran vokasional?

# rja keras untuk cemerlang: PM

● **Saya berpendapat pengurusan adalah amat penting. Kita boleh membeli teknologi. Kita boleh meningkatkan modal, tetapi jika kita tidak tahu mengurus teknologi dan modal, jika kita tidak tahu mengurus pasaran, kita tidak akan berjaya. Pasaran di negara ini adalah luas tetapi ia masih belum dieksplotasi sepenuhnya kerana rakyat tidak nampak peluangnya** ●

**PM:** Ada sedikit perbezaan di segi pendekatan Jepun dan Jerman. Pendekatan Jerman adalah baik. Mereka mempunyai golongan yang sangat mahir dan mereka mengambil aprentis tetapi ini menghadkan pengaliran kemahiran dan pengetahuan kerana sangat bergantung kepada individu.

Pendekatan Jepun pula ialah mengambil ramai orang dan melatih mereka bekerja di peringkat bawah dan ini memberi peluang kepada lebih ramai. Saya fikir kerana keperluan kita besar, kita perlukan latihan secara besar-besaran. Ia tidak bergantung kepada seseorang saja untuk menguasai satu-satu kemahiran, walaupun cara Jerman itu pun berjaya juga.

**TSN:** Ini menimbulkan semula soal persaingan. Ia berkaitan seperti apa yang anda katakan iaitu kemahiran, kualiti pengurusan. Persatuan Ekonomi Malaysia mengadakan seminar baru-baru ini mengenai ahli ekonomi buatan Malaysia dan nampaknya ada konsensus bahawa tahap di universiti kian menurun. Ini adalah masalah yang serius dari segi mengurangkan keupayaan kita bersaing. Apa yang boleh dilakukan untuk meningkatkan tahap universiti kita. Satu daripada jawapan yang jelas ialah kakitangan universiti tidak senang dengan Akta Universiti atau tahap dan suasana pekerjaan mereka. Mereka berasa tidak ada motivasi.

Jadi mereka kelihatan seperti tidak membuat kerja dengan baik dalam tugas mereka mengajar penuntut. Dan satu hal lagi ialah pemilihan ke universiti. Jadi ini adalah masalah yang serius. Mungkin Bahasa Inggeris satu lagi isu yang patut digalakkan dengan lebih mendalam.

**PM:** Mula-mula sekali saya ingin menentuhkan mengenai Akta Sains dan Kolej. Ia tidak ada kena-mengena dengan kemahiran akademik. Ia bukan bebanan. Sebenarnya ia sepatutnya menyumbang kerana

membawa perkhidmatan ke luar bandar. Adakah ini sesuatu yang anda fikirkan dalam rancangan masa depan.

**PM:** Pada dasarnya kita tidak boleh mengelak daripada proses urbanisasi apabila sesebuah negara semakin membangun dan lebih industrialised. Kawasan luar bandar akan kehilangan orang yang selama ini membuat pekerjaan yang kurang produktif. Di kampung sekarang hanya ada orang yang berusia di bawah 15 tahun dan lebih 45 tahun. Yang lain sudah berhijrah ke bandar. Ini bukanlah bencana besar. Jika mereka ini tinggal di kampung untuk menanam padi, mereka tidak banyak menyumbang kepada ekonomi. Saya fikir jika mereka bekerja kilang lebih banyak sumbangan mereka.

Jadi apa yang kita buat. Kita mempunyai sedikit tenaga kerja di kampung. Kita terpaksa beralih kepada penggunaan mesin. Kita bertukar kepada pertanian berskala besar, menyatukan tanah, menjadikan kampung kepada bandar kecil, dengan jalan yang baik dan barangkali menggalakkan industri kraftangan di kawasan itu.

Tetapi untuk menjadikan industri di kawasan luar bandar agak sukar kerana jumlah penduduk tidak setimpal dengan pelaburan di kawasan itu. Katakan kita buka industri yang memerlukan 1,000 pekerja di kampung, sukar untuk mendapatkan 1,000 orang di kampung untuk menjadi tenaga kerja. Sudah tentu anda terpaksa membawa daripada kampung lain. Adalah lebih ekonomik mewujudkan industri di bandar kecil dan membawa pekerja dari kampung dibandingkan dengan meletakkan industri di kampung.

Kampung berkenaan hendaklah dibangunkan sebagai bandar kecil dengan industri kecil, terutama kraftangan. Dan teknik pertanian mereka hendaklah diubah supaya kurang bergantung kepada buruh manusia, lebih kepada mesin dan cara lain untuk meningkatkan kecekapan.

pembaharuan dan tidak hanya mengikut, untuk membuat sesuatu mengikut cara yang biasa dilakukan. Anda tahu ada banyak cara untuk melakukan sesuatu. Jadi jika sikap berubah, kita boleh membuat inovasi dan menjadi lebih cekap dan cepat.

**TSN:** Mengenai pembaharuan, anda pernah menyuarakannya kepada sektor bank dan sektor itu dikecam hebat. Tetapi saya rasa tokoh banyak menghadapi masalah. Mereka mahu membuat inovasi dan mereka mahu memberi pinjaman untuk membiayai inovasi. Tetapi adakalanya wujud garis tipis yang membezakan di antara orang yang mahu membuat inovasi dan seorang penipu. Masalah pinjaman yang tidak dilaksanaan juga wujud dan masalah ini sangat serius dihadapi oleh bank dalam memungut semula pinjaman.

**PM:** Pasti berlaku kesilapan. Pasti ada orang yang menyalahgunakan peluang-peluang. Tetapi untuk hanya bertahan kerana kita tidak mahu melakukan kesilapan, untuk mengelak sesuatu yang salah berlaku, bererti menjadi beku, menjadi konservatif, dan kita tidak akan maju. Jadi kita perlu menerima hakikat akan ada orang yang akan cuba menyalahgunakan kedudukan mereka. Jika ini berlaku, kita tangkap mereka dan penjarakan.

**DrKS:** Saya sudah lama ingin bertanya soalan ini. Anda menjadi penggerak utama industrialisasi negara. Tetapi ketika kita sedang bergerak laju menuju industrialisasi, anda menyuarakan kebimbangan yang kita akan menjadi sebuah NIC (Negara Perindustrian Baru) terlalu cepat. Lantaran itu, kita seolah-olah menekan brek. Adakah persepsi ini betul atau ia hanya proses penyesuaian.

**PM:** Ini adalah satu persepsi yang sama sekali salah. Saya membantah penggunaan istilah NIC. Saya tidak bersetuju dengan cara mengklasifikasikan negara membangun. Tidak ada sebab sebuah negara yang membangun dengan cepat dipanggil negara perindustrian baru dan selepas itu, dengan serta-merta selepas itu, anda menekan brek. Negara maju akan memaksa anda menilai semula mata wang anda untuk mengurangkan daya saing anda. Mereka akan memeriksa rekod hak asasi kemanusiaan anda. Mereka akan memeriksa pergerakan buruh, mereka akan memeriksa alam sekitar.

Semua ini direncanakan untuk menghalang pertumbuhan anda supaya anda tidak dapat bersaing dengan mereka. Inilah sebabnya mereka mahu memanggil anda sebuah NIC. Sebaik saja anda termasuk dalam kategori itu, mereka akan sengaja perlahan pertumbuhan anda. Apa yang ingin saya nyatakan ialah anda tidak perlu menggelar mereka NIC atau sebarang nama lain, anda patut biarkan mereka berkembang. Jangan buat klasifikasi, jangan ambil tindakan seperti menilai semula mata wang sebanyak 40 peratus dan membayar gaji yang tinggi.

orang boleh memberi tumpuan kepada pelajaran daripada kegiatan luar. Tentunya penuntut dan kakitangan universiti berfikir bahawa mereka, sama juga seperti orang lain, layak menguruskan politik negara ini. Tetapi bagi mereka politik hanya kegiatan sampingan. Jika mereka mahu, keluar dan bertanding di gelanggang politik.

Tetapi jika anda katakan, saya harus terus menjadi kakitangan universiti untuk mencari pendapatan, tetapi pada masa yang sama saya mahu mengarahkan bagaimana negara ini patut ditadbir, saya fikir ia sesuatu yang tidak boleh diterima.

Walaupun kita tidak bayar gaji yang lumayan kepada mereka, kita membelanjakan beribu juta ringgit untuk universiti setiap tahun. Dan kita tidak boleh semata-mata menaikkan gaji kakitangan universiti tanpa menaikkan gaji seluruh kakitangan kerajaan. Setiap orang mendakwa kerjanya lebih penting daripada orang lain. Tetapi kita hanya mampu pada satu-satu tahap saja, tidak lebih dari itu. Jika anda rasa anda boleh mendapat lebih baik di luar, anda patut mencubanya. Saya melihat ramai pegawai kerajaan yang nampak banyak peluang dan mengambil keputusan meninggalkan kerajaan.

Kemudian mereka datang balik berjumpa saya untuk meminta bantuan. Sekali anda keluar, anda tidak boleh mengharapkan untuk mendapat keistimewaan sebagai kakitangan kerajaan dan seterusnya peluang yang anda nampak sangat terang masa berada dalam kerajaan tidak lagi ada apabila anda keluar. Ia hilang begitu saja.

Jadi sekali lagi saya ingin menekankan di sini yang kita boleh bayar setakat yang kita mampu saja. Kita mahu masyarakat menumpukan perhatian kepada bidang mereka, berapa banyak yang mereka boleh sumbangkan dalam bidang itu dan tidak berkata jika mereka berada di bidang yang lain mereka boleh melakukannya dengan lebih baik daripada orang yang sedang melakukan kerja di bidang itu. Kecenderungan ini sentiasa ada.

Saya tidak cuba mengajar pengurus bagaimana menguruskan syarikatnya. Jika saya cuba berbuat demikian saya akan merosakkannya. Bidang saya ialah politik dan kerajaan, dan saya mahu menumpukan perhatian terhadap apa yang kerajaan boleh buat untuk menyumbang kepada negara.

**DrKS:** Tren yang nyata dapat dilihat dalam arah pelaburan asing, orientasi eksport kita dan juga hala sektor swasta ialah ke arah masyarakat perindustrian. Semua tren ini akan menghala kepada peningkatan urbanisasi. Satu perkara yang menarik ialah melihat apa yang akan terjadi kepada kawasan luar bandar, iaitu sama ada kita akan membawa mereka melalui proses perindustrian luar bandar, melatih belia luar bandar untuk bekerja di kilang dan mendapat lebih kemahiran dan

**DrKS:** Kita boleh memperbaiki keadaan ini dengan membuka estet industri kecil di kawasan luar bandar, dengan menumpukan kepada industri kecil dan sederhana. Adakah itu tidak menguntungkan.

**PM:** Ianya memang menguntungkan tetapi hanya pada tahap tertentu. Industri kecil dan sederhana sepatutnya menjadi sokongan kepada industri besar. Dan mereka harus berada dekat dengan industri besar. Sebagai contoh jika kita mempunyai pengeluaran komponen kereta di kampung, masalah logistik akan timbul. Adalah lebih baik jika industri komponen kereta terletak bersebelahan dengan kilang kereta, terutama sekarang apabila kita melaksanakan cara membuat penghantaran mengikut waktu yang dijamin oleh orang Jepun. Anda tidak menghantar barangan anda tiga bulan lebih awal. Anda menghantarnya pada hari yang ada hendak gunakannya. Ini bermakna anda perlu mempunyai hubungan rapat.

**TSN:** Saya berpendapat dalam visi anda mengenai masa depan Malaysia, anda membayangkan kita mungkin beralih keluar dari getah, timah dan minyak sawit dan mewujudkan pusat-pusat bandar kecil di kawasan desa.

**PM:** Tidak begitu tepat. Kita tidak akan beralih daripada itu, tetapi kita mahu menjadi lebih cekap dan pantas dan mengurangkan penggunaan tenaga kerja. Contohnya menoreh getah sangat lambat. Ia memerlukan terlalu banyak pekerja. Apa yang perlu kita lakukan ialah menoreh pokok getah dengan hanya membuka suis pada waktu pagi. Ini bukanlah satu idea yang fantastik kerana ada penyelidikan getah yang sudah dijalankan ke arah itu.

Apa salahnya memasang wayar pada semua pokok getah dengan tiub keluar daripada batang pokok. Pada waktu pagi anda hanya membuka suis. Pisau atau pin menyucuk pokok getah dan getah cair mengalir ke dalam tiub yang kemudiannya dipam terus ke kilang tanpa sesiapa terpaksa mengumpulnya lagi. Ini boleh dilakukan kerana sekarang mereka menggunakan gas metana, saya rasa, untuk menjadikan getah cair. Anda tidak memerlukan tenaga kerja. Tenaga buruh itu boleh digunakan di kilang-kilang.

**DrNS:** Mengenai menekan butang atau suis, dan penggunaan teknologi. Setakat manakah kita harus memberi tumpuan kepada usaha mengubahsuai cara lama kepada teknologi baru.

**PM:** Kita sudah lama menekankan perkara ini, tetapi walaupun kita mungkin membuat inovasi, sikap perlu diubah, sikap di kalangan penyelidik dan jurutera kita. Perlu ada kesediaan untuk membuat

Memang benar ini akan menyebabkan barangan kita sukar menembusi pasaran mereka. Dan lantaran itu mereka akan mendapat keuntungan lebih, mereka menjadi lebih kaya dan kita akan kekal menjadi negara kurang maju yang tidak dapat mengejar mereka. Mereka melakukan demikian kepada Jepun. Mereka tidak menyedarinya, tiba-tiba saja Jepun sama dengan mereka. Tetapi mereka akan pastikan tidak ada negara lain mencapai taraf yang sama dengan Jepun.

**DrKS:** Tidak dapat dinafikan satu hari nanti kita terpaksa melalui semua ini, kita akan hilang taraf GSP, kita mesti meningkatkan persaingan untuk mengekalkan eksport kita dan sebagainya. Ini akan menyebabkan kita tidak mendapat layanan yang sama berdasarkan persefahaman sebagai sebuah negara membangun atau seperti keadaan kita, katakan 10 tahun lalu. Adakah anda rasa kita bersedia untuk menghadapinya.

**PM:** Kita perlu menyiapkan diri untuk menghadapi sebarang kemungkinan. Pasti ada pihak yang akan menari balik keistimewaan seperti GSP dan kemudahan lain. Kita hanya dapat mengatasinya dengan menjadi lebih cekap. Tetapi kita memerlukan GSP pada peringkat awal untuk membolehkan kita bersaing. Tetapi jika ia dimansuhkan terlalu awal kita mungkin tidak mempunyai ketahanan untuk mengatasinya.

**DrNS:** Terima kasih Datuk Seri. Saya rasa masa sudah cukup untuk menamatkan wawancara ini. Saya berpendapat ungkapan terakhir yang Datuk Seri tekankan ialah daya persaingan dan kecekapan. Ini pastinya akan menentukan prospek masa depan kita. Adalah jelas kepada ramai penganalisis bahawa negara ini berada pada satu tahap baru pembangunan ekonomi dan adalah sangat penting kita membuat keputusan yang tepat pada masa yang tepat dan untuk menggerakkan kita ke arah yang betul.

Ada sesetengah negara yang membuat keputusan berdasarkan teori ekonomi, teologi ekonomi, kadangkalanya kuat dipengaruhi oleh ideologi. Saya berpendapat daripada pandangan yang kita dengar daripada PM adalah jelas negara ini akan bertindak berdasarkan pragmatisme, berdasarkan akal budi, berdasarkan apa yang boleh dilaksanakan daripada apa yang sedap didengar.

Saya rasa kita sudah mendengar suara seorang yang asas dan kejayaan hidupnya, saya rasa, berasaskan kepada gagasan akal budi dan pragmatisme. Jika kita mengikuti asas ini, saya berpendapat kecekapan dan daya persaingan kita, Insya-Allah, akan terjamin. Dengan itu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat PM, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan juga kepada ahli panel, TSN dan DrKS.